

24/12/1999

Pengurusan sukan perlu perubahan

Nobar

TAHNIAH diucapkan kepada Datuk Hishammuddin Tun Husein atas pelantikan beliau sebagai Menteri Belia dan Sukan menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi perkhidmatan baik kepada pembangunan sukan negara.

Seluruh warga sukan tanah air sudah pasti mengalu-alukan pelantikan Hishammuddin dan meletakkan keyakinan dan harapan yang tinggi kepada beliau.

Menjelang abad baru, perkembangan sukan tanah air begitu membanggakan.

Sejak negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel yang lalu, Malaysia tidak sunyi dengan pertandingan dan kejohanan sukan berprestij dan bertaraf dunia.

Kebangkitan bidang sukan di negara ini bukan hanya diukur melalui pertandingan dan kejohanan arena sukan bertaraf dunia.

Malah, dengan adanya pembinaan beberapa kompleks sukan yang canggih dan bertaraf elit seperti Stadium Bukit Jalil yang boleh memuatkan berpuluh-puluh ribu penonton, padang Golf dan Lumba Litar Sepang membuktikan komitmen kerajaan terhadap kemajuan sukan semakin mendapat perhatian.

Kini Malaysia giat berusaha untuk melobi sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006 dan beberapa kejohanan sukan bertaraf dunia yang lain.

Penganjuran sukan bertaraf dunia dan pembangunan infrastruktur sukan di negara ini masih tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh keseluruhan masyarakat apatah lagi anak-anak yang bersekolah di kawasan luar bandar.

Konvensyen sukan yang dianjurkan di Kuala Lumpur oleh Persatuan Pendidikan Jasmani, Sains Sukan dan Kecergasan baru-baru ini membentangkan beberapa kelemahan dalam dasar sukan negara. Antara kelemahan paling jelas ialah:

- * Jumlah masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran pendidikan jasmani di sekolah begitu singkat iaitu dua kali seminggu.

- * Kurangnya jurulatih atau guru sukan sepenuh masa di sekolah.

- * Kekurangan peralatan sukan atau gelanggang permainan di sekolah.

- * Sistem pendidikan negara yang memberi keutamaan kepada mata pelajaran akademik.

- * Sukan diuruskan dalam konteks sukarelawan.

- * Saya percaya susunan Kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini cukup mantap dan padu.

Dengan adanya kombinasi antara Hishammuddin dengan Tan Sri Dr Musa Mohamad di Kementerian Pendidikan, diharapkan akan dapat membawa perubahan dalam pembangunan sukan keseluruhannya.

Sudah sampai masanya sukan negara diperbaharui menjelang alaf baru nanti. Sistem pembelajaran sukan melalui mata pelajaran pendidikan jasmani di sekolah perlu diperbaiki dan dinaikkan tarafnya sama seperti mata pelajaran lain.

Bagi mengimbangi proses itu, Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan mungkin boleh merangka satu pelan induk pembangunan sukan negara melalui penubuhan sebuah Institut Latihan dan Kemahiran Sukan kepada belia lepasan sekolah khususnya.

Status penubuhannya samalah seperti status Kolej Kejururawatan ataupun Institut Kemahiran Belia dan Negara.

Dengan melatih lebih ramai tenaga muda dalam bidang latihan dan kemahiran sukan maka kemahiran mereka itu kelak dapat diterima pakai di sekolah rendah dan menengah.

Kemahiran dan pengetahuan itu juga akan menggalakkan kewujudan lebih

banyak kelab sukan di peringkat amatur.

Institut ini bukan hanya menyediakan latihan kepada belia dan remaja malah ia juga mampu menawarkan bidang pekerjaan kepada pegawai dan jurulatih tempatan menjadi tenaga pengajar di institut itu.

Hari ini, walaupun terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan ijazah pendidikan sukan, tidak mungkin pemegang ijazah ini akan menjadikan profesion jurulatih, sebagai contohnya, di dalam bidang pekerjaan mereka sepenuh masa.

Ijazah yang ditawarkan itu lebih menjurus ke arah melahirkan seorang intelektual sukan dan bukannya seorang jurulatih sukan profesional.

Persatuan sukan yang selama ini menjadi badan pengelola utama sukan di Malaysia tidak mampu menawarkan sebarang bidang pekerjaan kepada mereka kerana ia diurus dalam konteks sukarelawan.

Keadaan ini akan menjadikan arena sukan di negara kita akan terus menerus diurus oleh golongan yang hampir sama setiap tahun serta tenaga yang tidak terlatih.

Pengurusan sukan di negara kita masih dimonopoli oleh golongan tertentu saja.

Di sekolah-sekolah sekitar bandar kecil, masih kelihatan murid sekolah melakukan kegiatan senaman dengan memakai pakaian seragam sekolah ataupun guru yang mengajar sukan hanya berdiri di luar padang dengan memerhati dari jauh dan berpayung serta berseluar potong.

Ini adalah antara beberapa kelemahan yang masih berlaku dan sekali gus melembapkan proses perindustrian sukan di negara kita.

Dengan itu, perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh Menteri Belia dan Sukan kita yang baru ini, adalah dari segi pembangunan sukan secara menyeluruh pada peringkat akar umbi lagi.

Perkara pokok yang perlu diambil perhatian adalah bagaimana kita boleh meluaskan penyertaan pelbagai peringkat masyarakat untuk menyertainya dan bagaimana pendekatan ini mampu mewujudkan daya saing yang sihat bukan saja dalam bentuk rohaniah dan jasmaniah, malah dilihat mampu dikomersilkan agar dapat dinikmati oleh semua pihak.